

22/6/82

22 JUN 1992

RENCANA PENGARANG

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT. AKHBAR ANDA

SELASA, 22 JUN, 1982

MEMUDAHKAN PENYELESAIAN POLITIK DI KAMPUCHEA

PENGLIBATAN Malaysia dalam usaha menubuhkan Kerajaan Campuran Anti-Vietnam di Kampuchea, seperti yang ditegaskan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, adalah semata-mata menolong mencari penyelesaian politik. Malaysia tidak pernah berniat campur tangan dalam hal-ehwal negara Kampuchea, sebagaimana kita tidak rela hal-ehwal dalam negeri kita dicampuri oleh pihak asing. Adalah hak dan tanggungjawab rakyat Kampuchea sendiri menentukan masa depan tanahair mereka; peranan Malaysia hanyalah menghulurkan sebarang bantuan kemanusiaan yang kita mampu, sekiranya diperlukan, dan sekiranya diminta.

Selaku tuan rumah kepada tiga kumpulan rakyat Kampuchea — Moulinaka, Pertubuhan Pembebasan Kebangsaan Rakyat Kampuchea, dan Khmer Rouge — yang sebelum ini berasing-asingan menghadapi Vietnam, tujuan Malaysia sekadar memudahkan pelaksanaan

ketetapan Bangsa-bangsa Bersatu supaya penyelesaian politik diambil untuk mengatasi pergolakan di sebuah negara jiran. Rakyat Malaysia tidak akan merasa senang sehingga rantau ini seluruhnya kembali aman sentosa. Cita-cita dan azam rakyat Malaysia untuk terus menikmati kemajuan dan kemakmuran merupakan juga harapan setiap bangsa yang merdeka dan berdaulat. Kita faham benar, pada ketika negara kita sedang bersedia menyambut ulang tahun suku abad Kemerdekaan dari penjajahan kuasa asing, betapa rindunya rakyat Kampuchea kepada kedamaian dan kebebasan sebagai bangsa yang bermaruah.

Kerinduan inilah yang sepatutnya difahami oleh para pemimpin Vietnam dan sekutu-sekutu mereka. Malaysia menentang tindakan Vietnam kerana ia meletakkan di Phnom Penh suatu pemerintahan yang didokong oleh Hanoi dengan paksa. Pencerobahan bala tentera Vietnam ke atas wilayah Kam-

puchea, seperti juga penindasan dan kezaliman Yahudi di wilayah Arab, adalah perbuatan yang terkutuk, yang wajar dipatahkan habis-habisan.

Tetapi Malaysia sememangnya tidak bercadang membekalkan senjata atau menawarkan apa-apa bantuan ketenteraan, kerana kita percaya bahawa pertumpahan darah bukanlah sebaik-baiknya cara mengatasi sebarang masalah. Segala upaya hendaklah digunakan terlebih dahulu bagi membolehkan penyelesaian politik tercapai. Vietnam hendaklah sedar, atau disedarkan, bahawa sikapnya yang kasar itu tidak mendapat restu semua bangsa yang berakhlak dan bertamadun.

Kesediaan para pemimpin Kampuchea itu untuk menandatangani perjanjian Kerajaan Campuran di Malaysia adalah suatu petanda baik penyatuan tenaga rakyat Kampuchea bagi memulihkan hak dan kedaulatan mereka. Kita ucapkan selamat berjuang.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2862